



UNTUK SIARA
SEGERA

12 JUN 2021

KENYATAAN MEDIA

MENTERI KEWANGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

BANTUAN BERTERUSAN KERAJAAN MELALUI SUBSIDI MINYAK DAN MINYAK MASAK BERNILAI HAMPIR RM8 BILION BAGI TAHUN 2021

Kementerian Kewangan ingin mengulangi bahawa Kerajaan akan terus membantu rakyat melalui pelbagai langkah. Salah satu langkah dasar yang dimanfaatkan oleh sejumlah besar rakyat Malaysia adalah subsidi minyak dan minyak masak dalam membantu mengurangkan kesan kenaikan harga komoditi di peringkat global ke atas kos sara hidup rakyat.

Setakat ini, Kerajaan tetap meneruskan dasar pengekalan harga bagi barang-barang runcit berikut:

Barangan	Harga runcit	Harga kekal sejak
Petrol RON95	RM2.05/ liter	10 Februari 2021
Diesel	RM2.15/ liter	10 Februari 2021
Gas petroleum cecair (LPG - <i>liquified petroleum gas</i>)	RM1.90/ kilogram	Jun 2015
Minyak masak bersubsidi	RM2.50/ pek 1 kilogram	1997

Berikutan peningkatan harga komoditi di peringkat global, subsidi produk petroleum petrol RON95, diesel dan LPG serta minyak masak bersubsidi dijangka meningkat dengan mendadak. **Sejumlah RM3.78 bilion telah diperuntukkan bagi tahun 2021 tetapi berdasarkan harga pasaran global semasa, Kerajaan dijangka bakal menampung subsidi sehingga RM8.0 bilion, iaitu RM4.22 bilion lebih tinggi dari yang diperuntukkan:**

	JUMLAH SUBSIDI KERAJAAN
Perbelanjaan 2019	RM6.32 bilion
Perbelanjaan 2020	RM2.16 bilion
Peruntukan 2021	RM3.78 bilion
Unjuran 2021	RM 8.0 bilion

Kerajaan bersedia menanggung perbelanjaan subsidi yang lebih tinggi ini bagi memelihara kesejahteraan rakyat dan kelangsungan perniagaan, terutamanya peniaga-peniaga kecil.

Selain itu, ingin ditekankan juga bahawa **pelbagai langkah Belanjawan dan inisiatif yang ditambahbaik melalui PERMAI, PEMERKASA dan PEMERKASA+, akan terus disalurkan sekurang-kurangnya sehingga Disember 2021**. Sebahagian dari inisiatif-inisiatif yang dilanjutkan atau ditambahbaik melalui PEMERKASA+ yang masih berterusan adalah seperti berikut:

Inisiatif	Diperuntukkan/ diperkenalkan di dalam...	Peruntukan/ Unjuran Asal 2021	Penambah- baikan 2021	Jumlah besar 2021
Bantuan Prihatin Rakyat (BPR)	Belanjawan 2021	RM7.0 bilion	+ RM2.1 bilion (PEMERKASA+)	RM9.1 bilion
Program Subsidi Upah 3.0	Belanjawan 2021	RM1.5 bilion	RM1.5 bilion (PERMAI) RM700 juta (PEMERKASA) RM1.5 bilion (PEMERKASA+)	RM5.2 bilion
Geran Khas Prihatin 3.0	Belanjawan 2021 & PERMAI	RM1 bilion	+ RM500 juta (PEMERKASA+)	RM1.5 bilion
Pembiayaan Kos Rendah PKS BNM (Targeted Relief & Recovery Facility; Agrofood Facility; Micro Enterprises Facility; SME Automation & Digitalisation Facility; PENJANA Tourism Financing; All Economic Sectors Facility)	Belanjawan 2021	RM5 bilion	RM2 bilion (PEMERKASA+)	RM7 bilion
Bantuan pemandu bas/teksi/e-hailing	PRIHATIN, Belanjawan 2021 & PERMAI	RM123 juta	RM68 juta (PEMERKASA+)	RM191 juta
Diskaun bil elektrik bagi 6 sektor paling terjejas	PERMAI	RM135 juta	RM135 juta (PEMERKASA+)	RM270 juta
Insentif Cukai (Kempen Pemilikan Rumah HOC & Cukai Jualan Kenderaan Penumpang)	Belanjawan 2021 & PERMAI	RM1.096 bilion	RM1.46 bilion (PEMERKASA+)	RM2.556 bilion

YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
12 Jun 2021